

BRUSIC SUSPENSION

Ibuprofen (100mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Brusic suspension
2. Bagaimana Brusic suspension berfungsi
3. Sebelum menggunakan Brusic suspension
4. Cara menggunakan Brusic suspension
5. Semasa menggunakan Brusic suspension
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Brusic suspension
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Brusic suspension

Ia digunakan untuk melegakan sakit dan demam akibat selesma, sakit gigi, dan keradangan saluran pernafasan. Juga digunakan untuk juvenile rheumatoid arthritis (inflamasi sendi kanak-kanak).

Bagaimana Brusic suspension berfungsi

Brusic suspension mengandungi ibuprofen, ubat dalam kumpulan non-steroidal anti-inflammatory drugs (NSAIDs) yang melegakan kesakitan, mengurangkan bengkak(keradangan) dan demam.

Sebelum menggunakan Brusic suspension

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan ambil Brusic suspension jika ada alahan kepada ibuprofen atau bahan yang terkandung dalam Brusic suspension
- Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.
- Jika anda menghidapi bronchospastic reactivity (kesukaran bernafas), polip hidung , angioedema (pembengkakan di sekeliling mata dan bibir dan kadangkala pada bahagian genital, tangan dan kaki) dan simptom-simptom ini bertambah teruk disebabkan oleh aspirin atau NSAIDs. Anaphylactic reaction (reaksi alergi serius) pernah dilaporkan pada pesakit sedemikian.

- Sebelum menggunakan Brusic suspension

Beritahu doktor:

1. jika anda menghidapi ulser usus aktif
2. jika anda tua
3. jika anda mempunyai asma
4. jika anda mempunyai gangguan pendarahan
5. jika anda mempunyai masalah jantung atau strok
6. jika anda pernah atau sedang menghidapi ulser, pendarahan dan perforasi perut atau usus

7. jika anda mempunyai masalah hati atau buah pinggang
8. jika anda mempunyai kegagalan jantung
9. jika anda mempunyai masalah penglihatan
- 10.jika anda mempunyai penyakit kolagen
- 11.Ibuprofen mungkin menyebabkan alahan reaksi kulit yang serius. Simptom-simptom adalah kulit melepuh dan mengelupas. Jika anda fikir anda mengalami reaksi alahan ubat, sila jangan ambil ubat itu dan berjumpa dengan doktor segera.
- 12.Sila hubungi doktor anda sebelum mula menggunakan Brusic suspension jika anda hamil, merancang untuk hamil, menyusu atau merancang untuk menyusu. Doktor anda akan mempertimbangkan risiko dan manfaat penggunaan Brusic suspension terhadap anda.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain. Sesetengah ubat yang diambil bersama Brusic suspension mungkin mengganggu satu sama lain. Ini termasuk:

1. aspirin, ubat untuk mengurangkan kelikatan darah
2. anticoagulant, agen mengurangkan kelikatan darah
3. Cardiac glycosides, seperti digoxin, ubat untuk jantung
4. cyclosporin, ubat yang digunakan dalam pemindahan organ
5. corticosteroids, agen antiinflamasi
6. diuretic, pil air
7. lithium, untuk depresi
8. methotrexate, ubat yang digunakan dalam rawatan rheumatoid arthritis dan sesetengah jenis kanser
9. quinolone antibiotics, untuk jangkitan

Juga termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Brusic suspension

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: 200-400mg setiap 4-6 jam seperti yang diperlukan. Kanak-kanak : bawah 2 tahun: ikut nasihat doktor. 2-3 tahun: 5ml 3-4 kali sehari. 4-5 tahun: 7.5ml 3-4 kali sehari. 6-8 tahun: 10ml 3-4 kali sehari. 9-10 tahun: 12.5ml 3-4 kali sehari. 11 tahun: 15ml 3-4 kali sehari. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ubat diambil selepas makan. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera. Tanda-tanda terlebih dos adalah kesakitan abdomen, loya, muntah, keletihan atau pening.

Semasa menggunakan Brusic suspension

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi bahawa anda sedang menggunakan Brusic suspension. Beritahu doktor dengan segera jika anda jadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan berkongsi Brusic suspension dengan sesejapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati ketika memandu kenderaan atau mengendalikan mesin sehingga anda mengetahui kesan Brusic suspension terhadap anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Brusic suspension boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Kesan yang paling biasa

adalah pada gastrousus: loya, sakit gastrik, pedih ulu hati, cirti-birit, ketidakselesaan abdomen, muntah, makanan tidak hadam, sembelit, berangin. Pening dan sakit kepala, resah, ruam, gatal-gatal, tinnitus (bunyi berdengung di dalam telinga), reaksi kepada cahaya, masalah jantung dan retensi cecair mungkin berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my

(Consumers → Reporting)

Cara penyimpanan dan pelupusan

Brusic suspension

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Suspensi warna kuning berperisa sarsi.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: ibuprofen.
- Bahan tidak aktif: sodium benzoate, xanthan gum, glycerin, tween 80, esen sarsi 53, quinoline yellow ariavit, sirap dan air.

- Nombor MAL

MAL20020024AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran

Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini

16/07 /2015

Nombor siri

BPFK/(R4/1)160715/00207